

Definitions and Interpretation

“Account Holder” means the person listed or identified as the holder of a Financial Account by the Financial Institution that maintains the account. This is regardless of whether such person is a flow-through Entity. Thus, for example, if a trust or an estate is listed as the holder or owner of a Financial Accounts, the trust or estate is the Account Holder, rather than the trustee or the trust’s owner or beneficiaries. Similarly, if a partnership is listed as the holder or owner of a Financial Account, the partnerships is the Account Holder, rather than the partners in the partnership.

A person, other than a Financial Institution, holding a Financial Account for the benefit of another person as an agent, a custodian, a nominee, a signatory, an investment advisor, an intermediary or as a legal guardian, is not treated as the holding the account, and such other person is treated as holding the account.

“Account Information” means any information relating to any account of a Customer with any of the RHB Group including without limitation the account number, account balance or value, currency denomination, gross receipts, withdrawals and payments to or from the account and the total gross amount of interest/ profit paid or credited to the account.

“Active Business” refers to entity which derives:

- ✦ At least 50% of its gross income (for the previous calendar year) from these business activities and not from passive income such as investments, dividends, interests/ profit, rents or royalties; and
- ✦ At least 50% of the weighted average percentage of assets held by it (tested quarterly, using fair market value or book value of assets as reflected in your balance sheet) produce or are held to produce income for these business activities.

“Authority” means any national, state, or local government, any political subdivision thereof, any agency, authority, instrumentality, whether judicial or administrative, regulatory or self-regulatory organisation, law enforcement body, court, central bank or tax or revenue authority in any jurisdiction whether inside or outside of Malaysia.

“C Corporation” is a legal structure that businesses can opt to manage themselves under to limit their owners' legal and financial liabilities. Generally, all for-profit corporations are automatically classified as a “C Corporation” unless the corporation elects the option to treat the corporation as a flow-through entity known as “S Corporation”.

“Charity/ Non-profit Organisation” must be established and maintained exclusively for either:

- ✦ religious, charitable, scientific, artistic, cultural or educational purposes; or
- ✦ professional organisation, business league, chamber of commerce, labour organisation, agricultural or horticultural organisation, civil league or an organisation operated exclusively for promotion of social welfare.

The Charity/Non-profit organisation fulfills all the following conditions:

- ✦ Exempt from income tax in its jurisdiction of residence; and
- ✦ Has no shareholders or members who have a proprietary or beneficial interest in its income or assets; and
- ✦ Its formation documents or the local law do not permit the distribution of any income or assets to or applied for the benefit of a private person or non-charity entity, except for payment as reasonable compensation for services rendered or distribution in accordance with the charity’s charitable activities; and
- ✦ Its formation documents or the local law requires all of the charity’s assets to be distributed to a government entity or other non-profit organisation upon the charity’s dissolution or liquidation.

“Controlling Person” are the natural person(s) who exercise control over an entity. Where that entity is treated as a Passive Non-Financial Entity (“Passive NFE”) a Financial Institution is required to determine whether or not these Controlling Persons are Reportable Persons. This definition corresponds to the term “beneficial owner” described in Recommendation 10 and the Interpretative Note on Recommendation 10 of the Financial Action Task Force Recommendations (as adopted in February 2012).

In the case of a trust, the Controlling Person(s) are the settlor(s), the trustee(s), the protector(s) (if any), the beneficiary(ies) or class(es) of beneficiaries, or any other natural person(s) exercising ultimate effective control over the trust (including through a chain of control or ownership). Under the CRS the settlor(s), the trustee(s), the protector(s) (if any), and the beneficiary(ies) or class(es) of beneficiaries, are always treated as Controlling Persons of a trust, regardless of whether or not any of them exercises control over the activities of the trust.

Where the settlor(s) of a trust is an Entity, the CRS requires Financial Institutions to also identify the Controlling Persons of the settlor(s) and when required report them as Controlling Persons of the trust.

In the case of a legal arrangement other than a trust, a person(s) in equivalent or similar positions will be the Controlling Person(s).

“Common Reporting Standard (CRS)” was developed in response to the G20 request and approved by the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Council on 15 July 2014, calls on jurisdictions to obtain information from their financial institutions and automatically exchange that information with other jurisdictions on an annual basis. It sets out the financial account information to be exchanged, the financial institutions required to report the different types of accounts and taxpayers covered, as well as common due diligence procedures to be followed by financial institutions.

“Corporation that is publicly traded or an affiliate of a publicly traded corporation” include any corporations which regularly traded its stock on one or more established securities markets; or is an affiliate of an entity which regularly traded their stock on an established securities market.

“Deemed Compliant Foreign Financial Institution” (DCFFI) means Financial Institutions qualifying under Annex II of the Malaysia-U.S. Intergovernmental Agreement on FATCA into the following categories:

- a) Registered DCFFIs
 - FI with local client base
 - Sponsored Investment Entities
 - Qualified Credit Card Issuers
- b) Certified DCFFIs
 - Local Bank
 - FI with only Low Value Accounts
 - Sponsored Closely Held Investment Vehicles
 - Investment Advisers and Investment Managers

“Entity” means a legal person or a legal arrangement, such as a corporation, organisation, partnership, trust or foundation.

“Exempt payee code” is code used for identifying payee that are exempt from backup withholding. Generally, individuals (including sole proprietors) are NOT exempt from backup withholding. Corporations are exempt from backup withholding for certain payments, such as interest/ profit and dividends. Corporations are NOT exempt from backup withholding for payments made in settlement of payment card or third-party network transactions. Refer to Form W-9 instructions for more details on list of exempt payees, their codes and which types of payment these codes should be used.

“Exemption from FATCA reporting code” is a code used to identify payee that are exempted from reporting under FATCA and applies to a person(s) having accounts maintained outside of the United States by certain foreign financial institutions. Please refer to “US Exempt Recipient” definition below for the applicable codes.

“Financial Account” means an account maintained by a Financial Institution and includes: Depository Accounts; Custodial Accounts; Equity and debt interest/ profit in certain Investment Entities; Cash Value Insurance/ Takaful Contracts; and Annuity Contracts as defined in FATCA and CRS regulations.

“Foreign Account Tax Compliance Act (FATCA)” which was passed as part of the Hiring Incentives to Restore Employment (HIRE) Act, generally requires that foreign financial Institutions and certain other non-financial foreign entities report on the foreign assets held by their U.S. account holders or be subject to withholding on with holdable payments. The HIRE Act also contained legislation requiring U.S. persons to report, depending on the value, their foreign financial accounts and foreign assets.

“Foreign Financial Institution (FFI)” refers to a non-US entity that is a financial institution.

“Government Entity or Central Bank (or a wholly owned entity of a Governmental Entity/Central Bank)” include but are not limited to the following:

- ✦ Ministries and their wholly owned and controlled entities; or
- ✦ Statutory Bodies and their wholly owned and controlled entities; or
- ✦ State Government Authorities and their wholly owned and controlled entities; or
- ✦ Local Authorities including City, Municipal and District Councils and their wholly owned and controlled entities.

“Holding Company of Non-financial Groups” refers to entity with following conditions:

- ✦ Substantially all (i.e. 80% or more) of the activities of the entity consists of holding the outstanding shares of, or providing financing and services to, one or more subsidiaries that are not FI; and
- ✦ It does not function (or hold itself out) as an investment fund, e.g. private equity fund, venture capital fund, leveraged buyout fund, or any investment vehicle whose purpose is to acquire or fund companies and then hold interests in those companies as capital assets for investment purposes.

“International Organisation (or a wholly owned agency of an International Organisation)” includes any intergovernmental organisation (or a supranational organisation) that is comprised primarily of governments. It has in effect a headquarters or substantially similar agreement with the jurisdiction, and its income does not inure to the benefit of private persons

“Liquidating or Emerging from Bankruptcy Company” refers to entity which was not an FI in the past five years and is in the process of liquidating its assets or is re-organising with the intent to continue or recommence operations in a business other than that of an FI.

“Participating Jurisdiction” means a jurisdiction in which an agreement is in place pursuant to which it will provide the information required on the automatic exchange of financial account information set out in the Common Reporting Standard.

“Passive Income” refers to sources of income that could include but are not limited to rent, any property income, dividends, royalties and interest/ profit as defined in FATCA and CRS regulations.

“Person” means an individual, corporation, company, partnership, joint venture, trust, estate, Limited Liability Company, unincorporated organisation or other entity.

“Personal Information” in respect of a Customer and any Controlling Person, means:

- (i) where the Customer and any Controlling Person is an individual, his/her full name, date and place of birth, residential address, mailing address, contact information (including telephone number), and any taxpayer identification number (“TIN”), social security number, citizenship(s), residency(ies) and tax residency(ies) or (if applicable) such other information as the RHB Group may reasonably require regarding such Customer and any Controlling Person;
- (ii) where the Customer and any Controlling Person is a corporate/entity, its full name, date and place of incorporation or formation, registered address, address of place of business, tax identification number, tax status, tax residency, registered address, address of place of business, certification of its CRS status/classification or (if applicable) such other information as the RHB Group may reasonably require regarding each of its substantial shareholders and controlling persons.

“Related Entity” is either if the Entity controls the other Entity, or the two Entities are under common control. For this purpose, control includes direct or indirect ownership of more than 50% of the vote and value in an Entity.

“Residential/Registered/Permanent Address”. The residential/registered/permanent address MUST be supported by a documentary evidence issued by an authorised government body (e.g. NRIC, passport, business license).

The words “We”, “Us”, “Our”, “Bank” and “RHB” means RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Bhd, RHB Asset Management Sdn. Bhd., RHB International Islamic Asset Management Berhad, RHB Bank (L) Ltd., and its respective affiliates, holding/subsidiaries, related companies and successors and assigns, where applicable.

“S Corporation” are corporations that elect to pass corporate income, losses, deductions and credits through their shareholders for federal tax purpose. The corporation must meet the following requirements to qualify for “S Corporation” status:

- ✦ Be a domestic corporation (conducts its affairs in its home country, i.e. US)
- ✦ Have only allowable shareholders
 - May be individuals, certain trusts, and estates and
 - May not be partnerships, corporations or non-resident alien shareholders
- ✦ Have no more than 100 shareholders
- ✦ Have only one class of stock

“Start-up Company” refers to entity which was incorporated not more than 24 months prior to the date of this Self-Certification Form and fulfills the following:

- ✦ It is just starting up and not yet in operations, and has no prior operating history; or
- ✦ It is investing capital into assets with the intention to operate a business other than that of a Financial Institution.

“Tax Information” in respect of a Customer and any Controlling Person, means:

- (i) Any documentation or information (and accompanying statements, forms, representations, waivers and consents as the RHB Group may from time to time require or as the Customer and any Controlling Person from time to time give) relating, directly or indirectly, to the tax status of the Customer and any Controlling Person;
- (ii) Personal Information of the Customer and any Controlling Person;
- (iii) Account Information; and
- (iv) Any other information received by any member of the RHB Group in relation to the Customer, including (but not limited to) information collected and maintained pursuant to Anti-Money Laundering/ Know Your Customer (AML/KYC) procedures.

“Tax Resident” refers to the definition of tax residence by each participating jurisdiction as provided on <http://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-residency/#id.en.347760>. In general, you will find that tax residence is the country/jurisdiction in which you live. Special circumstances may cause you to be resident elsewhere or resident in more than one country/jurisdiction at the same time (dual residency). For more information on tax residence, please consult your tax adviser or the information at the OECD automatic exchange of information portal mentioned above.

“TIN” (including “functional equivalent”) means Taxpayer Identification Number or a functional equivalent in the absence of a TIN. A TIN is a unique combination of letters or numbers assigned by a jurisdiction to an individual or an Entity and used to identify the individual or Entity for the purposes of administering the tax laws of such jurisdiction. Further details of acceptable TINs can be found at the following link <https://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-identification-numbers>

Some jurisdictions do not issue a TIN. However, these jurisdictions often utilize some other high integrity number with an equivalent level of identification (a “functional equivalent”). Examples of that type of number include, for Entities, a Business/company registration code/number.

“Treasury / Financing Centre of Corporate Group” refers to entity primarily engages in financing and hedging transactions with, or for, Related Entities that are not Financial Institutions, and does not provide financing or hedging services to any Entity that is not a Related Entity, provided that the group of any such Related Entities is primarily engaged in a business other than that of a Financial Institution.

“US Exempt Recipient” means one of the following. Please fill in the applicable code under the “Exemption from FATCA reporting code”.

Code	Description
A	An organization exempt from tax under section 501(a) or any individual retirement plan as defined in section 7701(a) (37)
B	The United States or any of its agencies or instrumentalities
C	A state, the District of Columbia, a U.S. commonwealth or possession, or any of their political subdivisions or instrumentalities
D	A corporation the stock of which is regularly traded on one or more established securities markets, as described in Regulations section 1.1472-1(c)(1)(i)
E	A corporation that is a member of the same expanded affiliated group as a corporation described in Regulations section 1.1472-1(c)(1)(i)
F	A dealer in securities, commodities, or derivative financial instruments (including notional principal contracts, futures, forwards, and options) that is registered as such under the laws of the United States or any state
G	A real estate investment trust
H	A regulated investment company as defined in section 851 or an entity registered at all times during the tax year under the Investment Company Act of 1940
I	A common trust fund as defined in section 584(a)
J	A bank as defined in section 581
K	A broker
L	A trust exempts from tax under section 664 or described in section 4947(a) (1)

“U.S Person” means a US citizen or resident individual, a partnership or corporation organized in the US or under the laws of the US or any State thereof, a trust if (i) a court within the US would have authority under the applicable law to render orders or judgements concerning substantially all issues regarding administration of the trust, and (ii) one or more US persons have the authority to control all substantial decisions of the trust, or an estate of a decedent that is a citizen or resident of the US.

Definisi dan Tafsiran

“**Pemegang Akaun**” bermaksud orang yang disenaraikan atau dikenal pasti sebagai pemegang Akaun Kewangan oleh Institusi Kewangan yang menyenggara akaun tersebut, tanpa mengira sama ada orang tersebut ialah Entiti aliran Terus atau tidak. Oleh itu, sebagai contoh, jika amanah atau harta pusaka disenaraikan sebagai pemegang atau pemilik Akaun Kewangan, amanah atau harta pusaka ialah Pemegang Akaun, bukannya pemegang amanah atau pemilik atau benefisiari amanah itu. Begitu juga, jika perkongsian disenaraikan sebagai pemegang atau pemilik Akaun Kewangan, perkongsian itu ialah Pemegang Akaun, bukannya rakan kongsi dalam perkongsian itu.

Seseorang, selain Institusi Kewangan, yang memegang Akaun Kewangan untuk faedah orang lain sebagai ejen, penjaga, penama, penandatanganan, penasihat pelaburan, perantara, atau sebagai penjaga yang sah, tidak dianggap sebagai memegang akaun, dan orang yang selain itu yang dianggap sebagai pemegang akaun.

“**Maklumat Akaun**” bermaksud apa-apa maklumat berkenaan mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana Kumpulan RHB. Maklumat yang berkaitan termasuk tanpa had, nombor akaun, baki atau nilai akaun, denominasi mata wang, penerimaan kasar, pengeluaran dan pembayaran kepada atau daripada akaun dan jumlah keseluruhan faedah yang dibayar atau dikreditkan ke dalam akaun.

“**Perniagaan Aktif**” merujuk entiti yang memperoleh:

- ✦ Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan kasarnya (untuk tahun kalendar sebelumnya) daripada aktiviti perniagaan ini dan bukan daripada pendapatan pasif seperti pelaburan, dividen, faedah, sewaan atau royalti; dan
- ✦ Sekurang-kurangnya 50% daripada peratusan purata wajaran aset yang dipegang olehnya (diuji setiap suku tahun, menggunakan nilai pasaran saksama atau nilai buku aset seperti yang ditunjukkan dalam kunci kira-kira anda) menghasilkan atau dipegang untuk menghasilkan pendapatan bagi aktiviti perniagaan tersebut.

“**Pihak Berkuasa**” bermaksud mana-mana negara, negeri atau pihak berkuasa tempatan, mana-mana bahagian politiknya, mana-mana agensi, pihak berkuasa, instrumen, sama ada organisasi kehakiman atau pentadbiran, kawal selia atau kawal selia sendiri, badan penguat kuasa undang-undang, mahkamah, bank pusat atau pihak berkuasa cukai atau hasil dalam apa-apa bidang kuasa sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

“**C Corporation**” ialah struktur undang-undang yang boleh dipilih bagi perniagaan untuk menyusun atur perniagaan agar menghadkan liabiliti undang-undang dan kewangan pemiliknya. Secara amnya, semua syarikat untung diklasifikasikan secara automatik sebagai "C Corporation" melainkan perbadanan itu memilih untuk mengendalikan perbadanan sebagai entiti melalui aliran terus (*flow through*) yang dikenali sebagai "S Corporation".

“**Pertubuhan Amal/Bukan Untung**” mesti ditubuhkan dan disenggarakan secara eksklusif untuk sama ada:

- ✦ Tujuan keagamaan, kebajikan, saintifik, kesenian, kebudayaan atau pendidikan; atau
- ✦ Organisasi profesional, badan perniagaan, dewan perniagaan, organisasi buruh, pertanian atau hortikultur, badan sivil atau organisasi yang dikendalikan secara eksklusif untuk mempromosikan kebajikan masyarakat

Pertubuhan Amal/Bukan Untung memenuhi semua syarat yang berikut:

- ✦ Dikecualikan daripada cukai pendapatan dalam bidang kuasa mastautinnya; dan
- ✦ Tidak mempunyai pemegang saham atau ahli yang mempunyai kepentingan hak milik atau benefisial dalam pendapatan atau asetnya; dan
- ✦ Dokumen pembentukannya atau undang-undang tempatan tidak membenarkan pengagihan apa-apa pendapatan atau aset kepada atau digunakan untuk faedah orang persendirian atau entiti bukan amal, kecuali untuk pembayaran sebagai pampasan yang munasabah untuk perkhidmatan yang diberikan atau pengagihan yang selaras dengan aktiviti amal badan berkenaan; dan
- ✦ Dokumen pembentukannya atau undang-undang tempatan memerlukan semua aset amal itu diagihkan kepada entiti kerajaan atau organisasi bukan untung lain selepas pembubaran atau pencairan badan amal tersebut

"Orang yang Mengawal" ialah orang sebenar yang melaksanakan kawalan ke atas suatu entiti. Apabila entiti itu dianggap sebagai Entiti Bukan Kewangan Pasif ("Pasif NFE") maka Institusi Kewangan dikehendaki menentukan sama ada Orang yang Mengawal ini ialah Orang yang Boleh Melapor atau tidak. Takrifan ini sepadan dengan istilah "pemilik benefisial" yang diterangkan dalam Syor 10 dan Nota Interpretatif mengenai Syor 10 Syor Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (seperti yang diterima pakai pada bulan Februari 2012).

Dalam hal amanah, Orang yang Mengawal ialah peneroka, pemegang amanah, pelindung (jika ada), benefisiari atau kelas benefisiari, atau mana-mana orang sebenar lain yang melaksanakan kawalan berkesan muktamad ke atas amanah (termasuk melalui rantaian kawalan atau pemilikan). Di bawah CRS, peneroka, pemegang amanah, pelindung (jika ada), dan benefisiari atau kelas benefisiari, sentiasa dianggap sebagai Orang yang Mengawal amanah, tanpa mengira sama ada mana-mana daripada mereka melaksanakan kawalan ke atas aktiviti amanah itu atau tidak.

Apabila peneroka amanah ialah suatu Entiti, maka CRS memerlukan Institusi Kewangan untuk turut mengenal pasti Orang yang Mengawal bagi peneroka dan apabila perlu, melaporkan mereka sebagai Orang yang Mengawal amanah tersebut.

Dalam hal pengaturan undang-undang selain amanah, Orang yang Mengawal bermaksud orang yang mempunyai jawatan yang setara atau serupa.

"Standard Pelaporan Biasa (CRS)" telah dibangunkan sebagai tindak balas kepada permintaan G20 dan diluluskan oleh Organisasi bagi Majlis Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) pada 15 Julai 2014, yang menyeru pihak berkuasa untuk mendapatkan maklumat daripada institusi kewangan mereka dan menukarkan maklumat itu secara automatik dengan bidang kuasa lain setiap tahun. Hal ini menetapkan maklumat akaun kewangan yang akan ditukar, institusi kewangan yang dikehendaki untuk melapor, pelbagai jenis akaun dan pembayar cukai yang dilindungi, serta tatacara usaha wajar biasa yang perlu diikuti oleh institusi kewangan.

"Perbadanan yang didagangkan secara terbuka atau gabungan perbadanan yang didagangkan secara terbuka" termasuk mana-mana syarikat yang kerap memperdagangkan sahamnya pada satu atau lebih pasaran sekuriti yang mantap; atau merupakan sekutu entiti yang kerap memperdagangkan saham mereka di pasaran sekuriti yang mantap.

"Disifatkan Institusi Kewangan Asing yang Patuh" (DCFFI) bermaksud Institusi Kewangan yang layak diletakkan bawah Lampiran II Perjanjian Antara Kerajaan Malaysia-AS berkaitan dengan FATCA dalam kategori yang berikut:

- a) DCFFI Berdaftar
 - Institusi Kewangan dengan asas pelanggan tempatan
 - Entiti Pelaburan yang Ditaja
 - Pengeluar Kad Kredit yang Layak
- b) DCFFI yang Diperakui
 - Bank Tempatan
 - Institusi Kewangan dengan hanya Akaun Nilai yang Rendah
 - Instrumen Pelaburan Tertutup yang Ditaja
 - Penasihat Pelaburan dan Pengurus Pelaburan

"Entiti" bermaksud orang yang sah atau pengaturan melalui undang-undang, seperti perbadanan, organisasi, perkongsian, amanah atau yayasan.

"Kod penerima dikecualikan" ialah kod yang digunakan untuk mengenal pasti penerima yang dikecualikan daripada pemegangan sandaran. Umumnya individu (termasuk pemilik tunggal) TIDAK dikecualikan daripada pemegangan sandaran. Syarikat dikecualikan daripada pemegangan sandaran untuk pembayaran tertentu, seperti faedah dan dividen. Syarikat TIDAK dikecualikan daripada pemegangan sandaran untuk pembayaran yang dibuat dalam penyelesaian kad pembayaran atau transaksi rangkaian pihak ketiga.

Rujuk arahan Borang W-9 untuk butiran lanjut tentang senarai penerima yang dikecualikan, kod mereka dan jenis pembayaran yang menggunakan kod ini.

"Pengecualian daripada kod pelaporan FATCA" ialah kod yang digunakan untuk mengenal pasti penerima yang dikecualikan daripada melaporkan di bawah FATCA dan terpakai kepada orang yang mempunyai akaun yang diselenggarakan di luar Amerika Syarikat oleh institusi kewangan asing tertentu. Sila rujuk arahan Borang W-9 untuk butiran lanjut dan untuk capaian sekiranya institusi kewangan tertakluk pada keperluan ini.

“Akaun Kewangan” bermaksud akaun yang diselenggarakan oleh Institusi Kewangan dan termasuk: Akaun Depositori, Akaun Penjagaan, Ekuiti dan faedah hutang dalam Entiti Pelaburan tertentu, Kontrak Insurans Nilai Tunai, dan Kontrak Anuiti seperti yang ditakrifkan dalam peraturan FATCA dan CRS.

“Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing” (FATCA) yang diluluskan sebagai sebahagian daripada Akta Insentif Penggajian untuk Memulihkan Pekerjaan (HIRE). Secara amnya, FATCA menghendaki agar institusi kewangan asing dan entiti asing bukan kewangan lain yang tertentu melaporkan aset asing yang dipegang oleh pemegang akaun Amerika Syarikat mereka atau yang tertakluk pada penahanan ke atas pembayaran boleh ditahan. Akta HIRE juga mengandungi perundangan yang menghendaki orang Amerika Syarikat melaporkan, bergantung pada nilai, akaun kewangan asing dan aset asing mereka.

“Institusi Kewangan Asing (FFI)” merujuk entiti bukan A.S. yang merupakan institusi kewangan.

“Entiti Kerajaan atau Bank Pusat (atau entiti milik penuh Entiti Kerajaan/Bank Pusat)” termasuk tetapi tidak terhad pada yang berikut:

- ✦ Kementerian dan entiti milik penuh dan yang dikawal kementerian; atau
- ✦ Badan Berkanun dan entiti milik penuh dan dikawal oleh Badan Berkanun; atau
- ✦ Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dan entiti yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya; atau
- ✦ Pihak Berkuasa Tempatan termasuk Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, dan Daerah serta entiti yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya.

“Syarikat Induk Kumpulan Bukan Kewangan” merujuk entiti dengan syarat yang berikut:

- ✦ Sebahagian besar (iaitu 80% atau lebih) aktiviti entiti terdiri daripada pemegangan saham tertunggak, atau menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan kepada, satu atau lebih anak syarikat yang bukan Institusi Kewangan; dan
- ✦ Tidak berfungsi (atau menunjukkan sifat) sebagai dana pelaburan, cth. dana ekuiti persendirian, dana modal teroka, dana belian berleveraj atau apa-apa kaedah pelaburan yang tujuannya adalah untuk memperoleh atau membiayai syarikat dan kemudian memegang kepentingan dalam syarikat tersebut sebagai aset modal untuk tujuan pelaburan.

“Organisasi Antarabangsa (atau agensi milik penuh Organisasi Antarabangsa)” termasuk apa-apa organisasi antara kerajaan (atau organisasi supranasional) yang terdiri terutamanya daripada kerajaan. Organisasi ini mempunyai ibu pejabat yang beroperasi atau perjanjian yang hampir serupa dengan bidang kuasa, dan pendapatannya tidak memberikan manfaat kepada orang persendirian.

“Mengalami Pembubaran atau Muncul daripada Syarikat Bankrap” merujuk entiti yang bukan Institusi Kewangan dalam tempoh lima tahun yang sebelumnya dan sedang dalam proses pembubaran asetnya atau sedang disusun semula dengan tujuan untuk meneruskan atau memulakan semula operasi dalam perniagaan selain daripada yang dijalankan oleh sebuah Institusi Kewangan.

“Bidang Kuasa yang Turut Serta” bermaksud bidang kuasa dengan perjanjian telah ditetapkan, yang menurut perjanjian ini maklumat diperlukan mengenai pertukaran automatik maklumat akaun kewangan yang ditentukan dalam Piawaian Pelaporan Bersama.

“Pendapatan Pasif” merujuk sumber pendapatan yang boleh termasuk tetapi tidak terhad pada sewaan, apa-apa pendapatan hartanah, dividen, royalti dan faedah sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan FATCA dan CRS.

“Orang” bermaksud individu, perbadanan, syarikat, perkongsian, usaha sama, amanah, harta pusaka, Syarikat Liabiliti Terhad, organisasi tidak diperbadankan atau entiti lain.

“Maklumat Peribadi” berkenaan dengan Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal, yang bermaksud:

- (i) Sekiranya Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal ialah seorang individu, nama penuh, tarikh dan tempat lahir, alamat kediaman, alamat surat-menyurat, maklumat perhubungan (termasuk nombor telefon), dan apa-apa nombor pengenalan pembayar cukai (“TIN”), nombor keselamatan sosial, kewarganegaraan, pemastautinan dan cukai pemastautin, atau (jika berkenaan) maklumat lain sebagaimana yang mungkin diperlukan secara munasabah oleh Kumpulan Perbankan RHB berkenaan dengan Pelanggan tersebut dan mana-mana Orang yang Mengawal;
- (ii) Sekiranya Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal ialah badan korporat/entiti, nama penuh, tarikh dan tempat penubuhan atau pembentukannya, alamat berdaftar, alamat tempat perniagaan, nombor pengenalan cukai, status cukai, cukai pemastautin, alamat berdaftar, alamat tempat perniagaan, pensijilan status/pengelasan CRS-nya atau (jika berkenaan) maklumat lain sebagaimana yang mungkin diperlukan secara munasabah oleh Kumpulan Perbankan RHB berkaitan dengan setiap pemegang amanah utama dan orang yang mengawalinya.

“Entiti Berkaitan” adalah sama ada, Entiti yang mengawal Entiti lain, atau kedua-dua Entiti berada di bawah kawalan bersama. Untuk tujuan ini kawalan termasuk pemilikan langsung atau tidak langsung bagi lebih daripada 50% undi dan nilai dalam Entiti.

“Alamat Kediaman/Berdaftar/Tetap” bermaksud alamat kediaman/berdaftar/tetap MESTI disokong dengan bukti dokumentari yang dikeluarkan oleh badan kerajaan yang diberi kuasa (cth., Kad Pengenalan, pasport, lesen perniagaan).

“RHB” bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Bhd, RHB Asset Management Sdn. Bhd., RHB International Islamic Asset Management Berhad, RHB Bank (L) Ltd., dan sekutu, syarikat induk/anak syarikat, syarikat berkaitan dan pengganti dan pemegang serah hak masing-masing (sekiranya berkenaan).

“S Corporation” ialah perbadanan yang memilih untuk meluluskan pendapatan korporat, kerugian, potongan dan kredit melalui pemegang saham mereka untuk tujuan cukai persekutuan. Perbadanan mesti memenuhi syarat yang berikut agar layak mendapat status "S Corporation":

- ✦ Menjadi perbadanan domestik (menjalankan urusannya di negara asalnya, iaitu AS)
- ✦ Hanya mempunyai pemegang saham yang dibenarkan
 - Mungkin individu, amanah tertentu, dan harta pusaka dan
 - Mungkin bukan perkongsian, perbadanan atau pemegang saham asing bukan pemastautin
- ✦ Mempunyai tidak lebih daripada 100 pemegang saham
- ✦ Hanya mempunyai satu kelas stok

“Syarikat Memuncul” merujuk entiti yang diperbadankan tidak lebih dari 24 bulan sebelum tarikh Borang Perakuan Diri ini dan memenuhi perkara yang berikut:

- ✦ Syarikat baru bermula dan belum beroperasi, dan tidak mempunyai sejarah operasi sebelumnya; atau
- ✦ Syarikat melaburkan modal ke dalam aset dengan tujuan untuk menjalankan perniagaan lain selain daripada yang dijalankan oleh Institusi Kewangan.

“Maklumat Cukai” adalah berkenaan dengan Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal, yang bermaksud:

- (i) Apa-apa dokumentasi atau maklumat (berserta penyata, borang, representasi, penepian dan persetujuan, sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Kumpulan Perbankan RHB dari semasa ke semasa atau sebagaimana yang diberikan oleh Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal dari semasa ke semasa) berkaitan dengan, secara langsung atau secara tidak langsung, status cukai Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal

- (ii) Maklumat Peribadi Pelanggan dan mana-mana Orang yang Mengawal; Account Information; and
- (iii) Maklumat Akaun; dan (iv) apa-apa maklumat lain yang diterima oleh mana-mana ahli Kumpulan Perbankan RHB berhubung dengan Pelanggan, termasuk (tetapi tidak terhad pada) maklumat yang dikumpul dan disenggarakan menurut tatacara Pencegahan Perubahan Wang Haram/Kenali Pelanggan Anda (AML/KYC).

“Pemastautinan Bercukai” bermaksud merujuk takrif pemastautinan bercukai oleh setiap bidang kuasa yang mengambil bahagian sebagaimana yang diperuntukkan dalam [<http://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-residency/#id.en.347760>]. Amnya, anda akan mendapati bahawa kediaman bercukai ialah negara/bidang kuasa bagi tempat anda tinggal atau tempat anda bermastautin di lebih daripada satu negara/bidang kuasa pada masa yang sama (dwi-pemastautin). Untuk maklumat lanjut tentang pemastautinan bercukai, sila rujuk penasihat cukai anda atau maklumat yang terdapat dalam portal pertukaran maklumat automatik OECD yang dinyatakan di atas.

“TIN” (termasuk “fungsi setara”) bermaksud Nombor Pengenalan Pembayar Cukai atau fungsi setara sekiranya tiada TIN. TIN ialah gabungan unik huruf atau nombor yang diberikan melalui perundangan kepada individu atau Entiti dan digunakan untuk mengenal pasti individu atau Entiti tersebut bagi tujuan mentadbir undang-undang percukaian bidang kuasa tersebut. Butiran lanjut yang boleh diterima mengenai TIN boleh didapati di pautan yang berikut [<https://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-identification-numbers>].

Sesetengah bidang kuasa tidak mengeluarkan TIN. Walau bagaimanapun, bidang kuasa ini sering menggunakan beberapa nombor berintegriti tinggi yang lain dengan tahap pengenalan yang setara (“kesetaraan fungsi”). Contoh nombor jenis ini untuk Entiti termasuk Kod/nombor pendaftaran perniagaan/syarikat.

“Perbendaharaan / Pusat Pembiayaan Kumpulan Korporat” merujuk entiti yang terlibat terutamanya dalam transaksi pembiayaan dan lindung nilai dengan, atau untuk, Entiti Berkaitan yang bukan Institusi Kewangan, dan tidak menyediakan perkhidmatan pembiayaan atau perlindungan nilai kepada mana-mana Entiti yang bukan Entiti Berkaitan, dengan syarat bahawa kumpulan mana-mana Entiti Berkaitan tersebut terlibat terutamanya dalam perniagaan selain daripada perniagaan yang dijalankan oleh Institusi Kewangan.

Penerima Dikecualikan AS bermaksud satu daripada yang berikut. Sila isi kod yang bersesuaian di bawah “Dikecualikan daripada kod pelaporan FATCA”.

Kod	Huraian
A	Sebuah organisasi dikecualikan daripada cukai bawah seksyen 501(a) atau mana-mana pelan persaraan individu sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 7701 (a)(37).
B	Amerika Syarikat atau mana-mana agensi atau instrumentalitinya.
C	Sebuah negeri, Daerah Columbia, negeri Komanwel AS atau milik AS, atau mana-mana subbahagian politik atau instrumentalitinya.
D	Sebuah perbadanan dengan sahamnya lazimnya didagangkan dalam satu atau lebih pasaran saham bertapak, sebagaimana yang dihuraikan dalam bahagian Peraturan 1.1472-1(c)(1)(i).
E	Sebuah perbadanan yang menjadi ahli kumpulan perbadanan bergabung yang sama yang diperluas sebagaimana yang dihuraikan dalam bahagian Peraturan 1.1472-1(c)(1)(i).
F	Peniaga dalam sekuriti, komoditi atau instrumen kewangan terbitan (termasuk kontrak utama nosional, pasaran masa depan, hadapan, dan opsi) yang didaftarkan sedemikian bawah undang-undang Amerika Syarikat atau mana-mana negeri.
G	Dana amanah pelaburan hartanah.

H	Sebuah syarikat pelaburan dikawal selia sebagaimana yang ditakrifkan bawah seksyen 851 atau suatu entiti yang didaftarkan pada bila-bila masa semasa tahun percukaian bawah Akta Syarikat Pelaburan 1940.
I	Dana amanah biasa sebagaimana yang ditakrifkan bawah seksyen 584(a).
J	Sebuah bank sebagaimana yang ditakrifkan bawah seksyen 581.
K	Broker
L	Dana amanah yang dikecualikan daripada cukai bawah seksyen 664 atau yang dihuraikan dalam seksyen 4947(a)(1).

“Orang A.S.” bermaksud warganegara AS atau individu yang bermastautin, perkongsian atau perbadanan yang dianjurkan di AS atau di bawah undang-undang AS atau mana-mana Negerinya, suatu amanah jika (i) mahkamah di dalam AS akan mempunyai kuasa di bawah undang-undang yang terpakai untuk memberikan perintah atau penghakiman ke atas sebahagian besar isu pentadbiran amanah, dan (ii) seorang atau lebih seorang AS mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan penting amanah, atau harta pusaka orang yang telah meninggal dunia yang merupakan warganegara atau yang bermastautin di AS.